



PESILAT HARAPAN: Sheikh Alauddin memenangi pingat emas Kejohanan Terbuka Malaysia

Singapura 'hilang' dua emas

Berita Minggu
14 APR 1991

Ekoran silat gugur dari Sukan SEA

Oleh YUSOFF RAHMAN

SINGAPURA mempunyai peluang mengutip sekurang-kurangnya dua pingat emas dalam silat sekiranya acara itu disertakan dalam Sukan SEA Manila dari 24 November hingga 5 Disember depan.

Bagaimanapun, peluang itu tidak akan menjadi kenyataan kerana Filipina, selaku penganjur sukan ini, telah memutuskan tidak akan menyertakan silat dalam senarai 27 acara yang akan dipertandingkan nanti.

"Kini Singapura terlepas peluang merebut sekurang-kurangnya dua pingat emas dalam silat," kata penolong setiausaha I Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Khamin Said, sebagai mengulas keputusan Manila menggugurkan silat daripada sukan itu.

Keputusan itu, ujarnya, tentu mengecewakan kerana beliau menaruh keyakinan Sheikh Alauddin dan Badriah Hosni, yang masing-masing memenangi pingat emas dalam Kejohanan Terbuka Malaysia Disember lalu, mampu mengharumkan negara dalam Sukan SEA itu.

"Singapura tidak pernah mengutip pingat emas dalam Sukan SEA. Jadi, ini adalah peluang terbaik. Tetapi sayangnya silat tidak disertakan kali ini," kata Khamin sambil menyebut Alauddin juga memenangi pingat emas dalam Kejohanan Dunia di Belanda.

Begitupun, jelas Khamin, para pesilat Singapura akan meneruskan latihan untuk mengambil bahagian dalam dua kejohanan luar negeri tahun ini.

Selain daripada Kejohanan Terbuka Austria dari 16 hingga 26 Mei, Singapura mungkin menyertai Kejohanan Terbuka Belgium pada November nanti.

Persisi telahpun menamakan empat peserta bagi kejohanan di Austria. Mereka ialah Alauddin, Azman Amat dan Abdul Talib Tambi, di samping Badriah sebagai peserta wanita tunggal.

Bagaimanapun, hingga kini Persisi masih menunggu surat undangan sama ada daripada Austria ataupun Indonesia, salah sebuah anggota Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat).